

## PERATURAN PERMAINAN CATUR

### 1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Catur Berpasukan Campuran Sukan Staf UTeM.

### 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut mengikut Undang-Undang Persekutuan Catur Antarabangsa (FIDE) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

### 4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

### 5.0 FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut ketentuan berikut :-

5.1.1 Berpasukan Campuran (3 lelaki 2 wanita)

### 6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.

6.2 Pengurus Pasukan mesti memastikan senarai nama atlet pada masa yang telah ditetapkan untuk pengurusan di dalam sistem.

## 7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Sistem Pertandingan akan dijalankan **bersemuka** menggunakan sistem swiss lima **(5) pusingan** bergantung kepada jumlah pemain yang mendaftar.
- 7.2 Masa permainan adalah 20 minit untuk setiap pemain iaitu 40 minit masa penuh permainan.
- 7.3 Masa menunggu adalah 10 minit sebaik sahaja permainan bermula. sekiranya pemain gagal menghadirkan diri dalam tempoh masa yang ditetapkan, beliau dikira kalah pusingan tersebut..
- 7.4 Merekod permainan :
- 7.4.1 Untuk Sukan Staf UTeM, tiada kewajipan untuk merekodkan pergerakan buah
- 7.5 Memutuskan keputusan seperti berikut :-
- 7.5.1 Pemberian mata untuk setiap pemain adalah seperti berikut: menang - 1 mata , seri -  $\frac{1}{2}$  mata dan kalah – 0
- 7.5.2 Sistem pemutus bagi pengiraan acara kategori terbuka adalah berdasarkan:-
- Bucholz*
  - Sonneborn-Berger*
  - Cumulative*
- 7.6 Memutuskan keputusan perlawanan Berpasukan Campuran:-
- 7.6.1 Markah di kira untuk setiap pemain di dalam Berpasukan Campuran adalah dari markah yang diperolehi daripada terbuka lelaki dan terbuka wanita seperti dinyatakan pada 7.5.1. Markah hanya akan di kira daripada 5 pemain terbaik dari setiap PTj setelah selesai terbuka lelaki dan Wanita (3 lelaki dan 2 wanita) yang akan dikira secara manual
- 7.6.2 Keputusan arbiter/pengadil adalah muktamad.
- 7.7 Peraturan Lain Yang Patut di Nyatakan
- 7.7.1 Jika terdapat 'bye', satu (1) mata akan diberikan
- 7.7.2 Untuk Kategori Rapid lelaki dan wanita, pemain yang membuat '*illegal move*' akan diberi amaran kali pertama. '*illegal move*' kali kedua akan dikira kalah.

## 8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

- 8.1 Sistem Pertandingan akan dijalankan secara sistem swiss tujuh (6) atau maksimum (7) pusingan bergantung kepada jumlah pemain yang mendaftar.

## 9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 **Semua pemain tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum/membawa minuman keras atau di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan.**
- 9.4 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

## 10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan sekiranya perlu.

## 11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pihak Penganjur dan pengerusi permainan berhak membuat keputusan sekiranya ada perkara yang tidak dinyatakan dan keputusan adalah muktamad.

## 12.0 HADIAH & PEMENANG

Rujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI BERPASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA
Pegawai	1	1	1
Atlet	5	5	5
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>

14.1 Catur menawarkan 1 pingat keseluruhan (*medal tally*) iaitu :

14.1.1 Berpasukan Campuran